

25/02/2001

Muzakarah: Alasan Pas remeh, dangkal

Syed Akbar Ali

SEJAK awal lagi ia jelas Pas tidak serius mengadakan perjumpaan dengan Umno untuk membincangkan isu perpaduan. Pada mulanya, Pas berdolak dengan alasan supaya perbincangan perpaduan Melayu diperluaskan untuk merangkumi perpaduan semua kaum.

Sebenarnya, masyarakat bukan Melayu dalam negara kita tidak menghadapi masalah perpecahan politik. Kaum Cina mempunyai dua parti politik utama iaitu MCA dan Gerakan yang mendapat sokongan penuh mereka.

Ini bermaksud kaum Cina sokong kuat parti Barisan Nasional. DAP telah ditolak oleh kebanyakan orang Cina dalam pilihan raya lalu sehingga Lim Kit Siang dan Karpal Singh, kedua-duanya kalah dalam rebutan kerusi Parlimen dan DUN.

Orang India memberi sokongan penuh kepada MIC, PPP dan IPF yang semuanya adalah penyokong kuat Barisan Nasional juga. Begitu juga pelbagai kaum di Sarawak dan Sabah tidak pernah mengundi Pas sekalipun sejak Malaysia ditubuhkan. Semua ini adalah kenyataan dan diulang sekali lagi pada pilihan raya lalu.

Oleh itu, saranan Pas kononnya untuk mewakili perpaduan semua kaum adalah angan-angan kosong Pas saja. Masalah perpecahan yang wujud sekarang disebabkan sebilangan orang Melayu hampa dengan prestasi Umno. Jika Umno boleh perbetulkan hal rumah tangganya, memperluaskan lagi kronisme ekonomi dan meninggalkan kroni-kroni 'jutawan hutang' yang telah pun gagal, maka kebanyakan orang Melayu tidak akan menyokong manusia yang suka membalut kepala dan malas mencukur janggut kambing.

Tetapi, apabila Umno menerima cadangan untuk membincang perpaduan semua kaum, Pas menambah syaratnya supaya dibincang pula isu pembayaran wang minyak kepada Menteri Besar Pas di Terengganu dan kes Anwar Ibrahim yang telah didapati salah oleh Mahkamah Tinggi.

Kemudian, senarai syarat itu dipanjangkan dan dimasukkan isu pengguguran nama 'Islam' daripada nama parti Pas, permit cetak Harakah iaitu lidah rasmi Pas dan bantahan Pas terhadap tindakan polis yang mengikut undang-undang negara untuk menahan orang yang merusuh dan berkeliaran di tepi jalan.

Kelantangan Pas mencadangkan supaya keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes Anwar Ibrahim diubah semula menunjukkan satu pendekatan yang liar dan berbahaya oleh Pas terhadap institusi kehakiman. Mengikut Datuk Fadzil Noor, apa yang perlu hanyalah 'satu arahan saja'.

Mungkin kita perlu renung kembali kes seorang wakil rakyat Pas yang ditangkap atas tuduhan berkhawat dengan seorang wanita, tetapi kemudian dilepaskan oleh Mahkamah Syariah di bawah naungan sebuah kerajaan negeri Pas. Sekiranya Pas berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan, apakah Pas akan menjadikan hakim mahkamah sebagai budak suruhan untuk mengikut arahan saja?

Walaupun Pas tidak layak menyandang nama 'Islam', mereka tidak dihalang oleh Umno atau sesiapa pun daripada terus menghina agama suci Allah dengan meletakkan nama 'Islam' pada nama parti mereka. Begitu juga Fadzil Noor terlupa meminta supaya akhbar Merdeka iaitu lidah rasmi Umno juga diluluskan permit sama seperti Harakah. Tidak semestinya perpaduan itu terhad kepada permit untuk Harakah saja!

Maka alasan-alasan Pas untuk tidak mahu bermuzakarah dengan Umno adalah remeh dan dangkal. Ia jelas menunjukkan mereka tidak ada niat untuk bermuzakarah daripada awal lagi.

Tetapi, semua hasutan Pas itu masih tidak menjadi penghalang bagi Umno. Sebaliknya Umno setuju supaya tidak ada sebarang syarat yang boleh menghalang Pas daripada mengutarakan sebarang isu termasuk isu wang minyak dan permit Harakah. Tetapi, seperti mana yang disangka ramai, pemimpin Pas tidak berani berbincang dengan Umno. Akhir sekali, Pas menunjukkan tumit mereka seperti keldai yang lari daripada singa.

"Seakan-akan mereka itu keldai liar yang terkejut, lari daripada singa."
- (Surah 74:50-51.)

Tindakan Pas yang agak kelim-kabut ini juga menunjukkan kewujudan puak-puak dalam parti itu yang tidak semuanya sehaluan.

Sejak awal lagi, puak Fadzil Noor serta penyokongnya yang lebih 'moderate' dalam Pas bersetuju bermuzakarah dengan Umno. Tetapi, puak ekstremis dalam Pas yang juga menyokong Hadi Awang tidak senang dengan jemputan Umno untuk bermuzakarah. Puak ekstremis ini juga khuatir Dr Mahathir akan mengatasi Fadzil Noor dalam sebarang perbincangan. Besar kemungkinannya inilah perkara yang bakal berlaku.

Oleh itu, apabila Dr Mahathir mencadangkan supaya pertemuan itu dihadkan kepada perjumpaan empat mata antara presiden parti masing masing, puak ekstremis ini memutuskan supaya Pas diwakili oleh satu rombongan seramai enam orang pula. Mereka kurang yakin terhadap kebolehan Fadzil Noor untuk bertemu secara berseorangan dengan Dr Mahathir.

Kekeliruan dalam Pas ini tertera pada muka depan akhbar Harakah terbaru yang berkata tindakan polis terhadap rusuhan tepi jalan menjejaskan peluang bermuzakarah dengan Pas.

Jelas Pas sekali lagi menonjolkan sifat mereka yang unggul iaitu sebagai sebuah kumpulan manusia yang suka cakap, tetapi tidak serupa bikin.

"Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat. Amat besar kebencian di sisi Allah kamu mengatakan apa yang tiada kamu kerjakan." - Surah 61:2-3.

Terutama sekali kerana ini bukanlah sebarang pertemuan, tetapi ia adalah satu usaha besar untuk menyatupadukan umat Melayu yang menghadapi masalah perpecahan politik.

Mengikut ajaran Allah dan Rasul-Nya, kita patut anjurkan perdamaian antara orang yang berbalah: "Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damai-kanlah antara kedua-dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat." - (Surah 49:10).

Melihat kepada ketegangan dan ketidakharmonian politik yang berakibat daripada kekalahan parti pembangkang dalam pilihan raya umum lalu, maka persetujuan Umno untuk berjumpa dengan Pas yang telah tewas menunjukkan Umno sedia merendahkan diri untuk mendahulukan perpaduan umat.

Pas rela menghalang usaha murni ini dengan meletak syarat-syarat remeh dan dangkal. Umno sebaliknya rela menerima semua syarat mereka, tidak kira remeh atau dangkal.

Pas sepatutnya teruskan saja perjumpaan dengan Umno supaya semua isu boleh diketengahkan kepada Umno dalam majlis muzakarah. Sekurang-kurangnya balas bicara daripada Umno boleh dijadikan modal untuk diputarbelitkan dalam ceramah kampung pada hari kemudian.

Pas pernah berkata, Umno tidak berani bertemu dengan mereka untuk tujuan berdebat. Yang menjadi sah sekarang ialah Pas yang menjadi penakut. Pas hanya berupaya menggunakan taktik mencaci dan mengkafir untuk memukau penyokong yang kurang daya fikiran. Mereka tidak mempunyai adab yang cukup untuk bermuzakarah secara rasional dan baik.

(END)